

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1988/89

PLG 454 - Penerbitan Rancangan-Rancangan Pendidikan

Tarikh: 26 Oktober 1988

Masa: 2.15 petang - 5.15 petang  
(3 jam)

---

ARAHAN:

Soalan-soalan ini dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C. Jawab 4 soalan secara memilih satu soalan dari Bahagian A, satu soalan dari Bahagian B, satu soalan dari Bahagian C dan satu lagi soalan dari mana-mana bahagian.

BAHAGIAN A

1. Penerbitan rancangan audio/radio pendidikan (yang mengandungi lakanan) adalah dibina secara menggabungkan beberapa unsur asas utama iaitu akustik, perspektif, kesan bunyi, muzik dan erutan (distort).

Huraikan apakah yang dimaksudkan dengan setiap unsur tersebut dan jelaskan bagaimanakah ia dipergunakan di dalam penerbitan sebuah rancangan audio/radio pendidikan.

(25 markah)

2. Drama, temuramah dan guru audio/radio adalah di antara format penerbitan rancangan audio pendidikan yang lazim diterbitkan. Bincangkan ketiga-tiga format tersebut dari aspek kekuatan-kekuatan dan kelemahan-kelemahannya.

(25 markah)

BAHAGIAN B

3. Jelaskan pelbagai prinsip dan pengawalan pencahayaan di dalam rakaman video dengan merujuk kepada penggambaran DALAM STUDIO dan LUAR STUDIO.

(25 markah)

...2/-

4. Saiz syot, sudut pengambaran, komposisi dan arah skrin adalah di antara aspek-aspek terpenting di dalam pembentukan syot-syot bagi sebuah rancangan televisyen/video pendidikan. Bincangkan keperihalan setiap aspek yang tersebut.

(25 markah)

5. Aktiviti pos-produksi sering dirujuk kepada penyuntingan (video) dan pengadunan (audio).

- Jelaskan 3 kaedah penyuntingan yang lazim dilakukan.
- Bagaimakah anda boleh menerbitkan satu rancangan yang baik dari aspek penyuntingan dan pengadunannya.

(25 markah)

BAHAGIAN C

6. Apakah kriteria-kriteria yang sering diberikan perhatian untuk menilai sebuah rancangan televisyen/video pendidikan atau audio pendidikan. Jelaskan setiap kriteria itu.

(25 markah)

7. Suatu rancangan video atau audio pendidikan memerlukan perancangan yang teliti sebelum diterbitkan. Dengan memusatkan perbincangan anda kepada samada rancangan video atau audio pendidikan, jelaskan setiap langkah pra-produksi yang dimaksudkan itu.

(25 markah)

-oooOooo-